



---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**10 JULAI 2021 (SABTU)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

**10 JULAI 2021 (SABTU)**

## PPVIN sektor peruncitan

**PUTRAJAYA** - Pusat pemberian vaksin industri (PPVIN) pertama untuk Program Vaksinasi Industri Peruncitan (RiVAC) akan dibuka di Cititel Mid Valley City, Kuala Lumpur bermula 26 Julai.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, PPVIN Mid Valley City dengan kapasiti 1,500 penerima sehari di bawah RiVAC, disasarkan dapat memberikan vaksinasi kepada 31,000 pekerja barisan hadapan ekonomi sektor peruncitan di sekitar Kuala Lumpur.

Beliau berkata, RiVAC menyasarkan barisan hadapan ekonomi seperti juruwang, jurujual, kru restoran, pekerja stesen minyak, kru pasar raya, kru departmental stores (gedung serbaneka), tukang gunting dan kecantikan, pengurusan kompleks beli-belah dan pekerja rantai pengedaran.

"RiVAC adalah untuk memastikan sektor peruncitan dapat memberikan perkhidmatan membeli-belah dan pengalaman pengguna yang selamat dan meyakinkan," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Alexander berkata, syarikat dan majikan yang menyertai RiVAC akan tertakluk kepada terma dan syarat pelaksanaan program vaksinasi melalui PPVIN seperti yang ditetapkan oleh Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Sebarang pertanyaan berhubung RiVAC bolehlah menghubungi Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP) menerusi talian hotline 03-8882 5881/5905 atau melalui e-mel kepada [rov@kpdnhep.gov.my](mailto:rov@kpdnhep.gov.my). - Bernama

 Senarai Harga Barang Keperluan	• Ayam <b>RM6.39</b>	• Telur Gred A. <b>RM11.55</b>	• Gula Pasir <b>RM2.85</b>	• Cili Merah <b>RM10.95</b>
	• Daging Lembu Tempatan <b>RM35</b>	• Ikan Kembung <b>RM8.90</b>	• Bawang Besar Holland <b>RM2.80</b>	• Kubis Bulat Tempatan <b>RM3.49</b>
	• Daging Lembu Import <b>RM25.83</b>	• Minyak Masak <b>RM6.35</b>	• Bawang Putih <b>RM5.50</b>	• Tepung Gandum <b>RM2.20</b>
				<small>*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP</small>